



PEJABAT PENGARAH BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL,  
LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), WOKSYOP MADA,  
06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN.

Telefon : 04-9171212 & 9171216 , Telefax : 04-9176473

**KENYATAAN TAWARAN**

**SEBUT HARGA NO. S421596**

1. Sebut Harga daripada Kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dalam Gred G1 dalam kategori ME pengkhususan M15 akan diterima di PEJABAT PENGARAH BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN hingga tutup tawaran jam 12.00 tengah hari pada 3/3/2016 (Khamis) untuk:-

Sebut Harga No. : S421596

Tajuk Sebut Harga : Menjalankan Kerja-Kerja Menaiktaraf *Gate Guide* Yang Lama Kepada Jenis *Stainless Steel* Di Pintu Kawalan Air Pasang Surut di Wilayah 2, MADA.

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh didapati di PEJABAT PENGARAH BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL, LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA), WOKSYOP MADA, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN, pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor-kontraktor yang ingin mengambil bahagian dalam tawaran ini dikehendaki membawa bersama surat pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang asal untuk pemeriksaan dan sertakan sesalinan fotostat surat pendaftaran tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan Dokumen Tawaran untuk tujuan rekod.
4. Kontraktor bertaraf bumiputera hendaklah mengemukakan Sijil Bertaraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
5. Dokumen Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bermetri dengan menulis No. Sebut Harga tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam kotak dengan tanda yang sama yang telah disediakan di Pejabat Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Woksyop MADA, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman.
6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidaklah terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.
8. Lawatan tapak adalah dimestikan dan akan diadakan pada **17/2/2016** (Rabu) jam 10.30 pagi. Sila berkumpul di Pejabat Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal. Sila berhubung dengan Pn. Haslina binti Aarif (Jurutera Mekanikal) untuk maklumat lanjut.

**(AHMAD SUKRI BIN SAAD)**

Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda.